

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

1. Kempen “**Cabaran Bonanza CIMB Clicks**” (“Kempen”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” di sini merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank secara kolektif.

### **Tempoh Kempen**

2. Kempen akan berlangsung dari **jam 00:01 (GMT+8) pada 20 Oktober 2022 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 15 Januari 2023**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh pemulaan dan/atau penamatkan Tempoh Kempen.

### **Kelayakan**

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna baharu dan sedia ada portal perbankan dalam talian CIMB Clicks dan aplikasi mudah alih CIMB Clicks, melainkan kategori orang/entiti yang disenaraikan dalam **Klausula 5** di sini (“**Peserta**”).
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
  - (a) Kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaan) serta ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik); dan/atau
  - (b) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaan) dan kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak mereka serta ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau
  - (c) Pelanggan yang memegang sebarang akaun dengan CIMB yang berdelinkuen atau tidak berada dalam kedudukan baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, atau ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (d) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/bukan untung, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau
  - (e) Pelanggan yang telah diisyiharkan sebagai bankrap atau telah digulungkan, atau sebaliknya mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
  - (f) Individu yang tidak sempurna akal; dan/atau
  - (g) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas. Peserta yang layak untuk menyertai Kempen ini hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”.

### **Hadiah**

6. Hadiah berikut disediakan kepada Pemenang terpilih (selepas ini ditakrifkan di **Klausula-Klausula 14 hingga 15** di sini) Kempen ini: -

**KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS”**  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

Kategori Hadiah	Kitaran Kempen & Tempoh Transaksi	Kategori Cabaran	Penerangan Hadiah	Bilangan pemenang
<b>Hadiah Utama</b>	20 Oktober 2022 – 15 Januari 2023	Tidak Berkaitan	Satu (1) unit Toyota Veloz 1.5 A/T	1
<b>Hadiah Cabaran Bonanza</b>	<b>Kitaran Kempen 1</b> 20 Oktober 2022 – 15 November 2022	Cabaran JomPAY	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
		Cabaran FPX	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
		Cabaran DuitNow QR	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
		Cabaran Pemindahan	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
<b>Kitaran Kempen 2</b> 16 November 2022 – 15 Disember 2022	Cabaran JomPAY	Cabaran JomPAY	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
		Cabaran FPX	Ganjaran Tunai RM1,000	4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40

**KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS”**  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran DuitNow QR	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran Pemindahan	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran JomPAY	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran FPX	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
			Cabaran DuitNow QR	Ganjaran Tunai RM1,000
				4
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
			PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400

**KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS”**  
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

		PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000
Cabaran Pemindahan		Ganjaran Tunai RM1,000	4
		PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM100	40
		PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM10	400
		PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM1	4,000

7. Semua hadiah yang disenaraikan dalam **Klausula 6** di atas hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiyah**”. Kitaran-Kitaran Kempen 1, 2 dan 3 yang dinyatakan dalam jadual di **Klausula 6** di atas hendaklah secara individu dirujuk sebagai “**Kitaran Kempen**” dan secara kolektif dirujuk sebagai “**Kitaran-Kitaran Kempen**”.

**Kriteria Penyertaan**

8. **Berkenaan dengan Hadiah Cabaran Bonanza**

- (a) Dalam usaha untuk memenangi Hadiah Cabaran Bonanza yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak dikehendaki untuk melakukan Transaksi Layak mengikut cara yang dinyatakan di bawah untuk memperolehi penyertaan (“**Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza**”): -

Kategori Cabaran Bonanza	Kriteria Penyertaan	Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza diberikan
Cabaran JomPAY	Lakukan tiga (3) Transaksi JomPAY Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 10</b> di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 setiap satu melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran FPX	Lakukan tiga (3) Transaksi FPX Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 10</b> di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 setiap satu melalui portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Lakukan tiga (3) Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 10</b> di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 setiap satu melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran QR DuitNow	Lakukan tiga (3) Transaksi QR DuitNow Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 10</b> di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 setiap satu melalui (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	1
Cabaran Pemindahan	Lakukan tiga (3) Transaksi Pemindahan Dana Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausula 10</b> di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 setiap satu melalui (a) aplikasi	1

## KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

	mudah alih CIMB Clicks; <b><u>dan/atau</u></b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks.	
--	---	--

- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa setiap Kitaran Kempen hanya sah untuk Kitaran Kempen tertentu dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke Kitaran Kempen seterusnya.

### 9. **Berkenaan dengan Hadiah Utama**

- (a) Dalam usaha untuk memenangi Hadiah Utama yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak dikehendaki untuk melakukan transaksi yang disenaraikan di bawah dalam Tempoh Kempen untuk memperolehi penyertaan (“**Penyertaan Kelayakan Hadiah Utama**”):

Kriteria Penyertaan	Penyertaan Kelayakan Hadiah Utama diberikan
Pendaftaran baharu ID CIMB Clicks dan berjaya log masuk ke aplikasi mudah alih CIMB Clicks beliau buat kali pertama	10
Setiap penyempurnaan Cabaran Bonanza	1

- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Penyertaan Kelayakan Hadiah Utama yang diperolehi oleh Peserta Layak dalam setiap Kitaran Kempen akan dikumpul sepanjang Tempoh Kempen.

10. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ungkapan “**Transaksi Layak**” hendaklah ditakrifkan seperti berikut: -

Jenis Transaksi Layak	Penerangan
“ <b>Transaksi JomPAY Layak</b> ”	Pembayaran berjaya bagi sebarang bil atau invois Pengebil JomPAY melalui bahagian ‘JomPAY’ menerusi (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b><u>dan/atau</u></b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausa 11</b> ).
“ <b>Transaksi FPX Layak</b> ”	Pembayaran berjaya kepada mana-mana peniaga FPX melalui FPX menerusi portal perbankan dalam talian CIMB Clicks dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausa 11</b> ).
“ <b>Transaksi Tambah Nilai Prabayar Layak</b> ”	Transaksi tambah nilai prabayar yang berjaya dilakukan melalui bahagian ‘Top Up’ dalam (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b><u>dan/atau</u></b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks, menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausa 11</b> ).
“ <b>Transaksi QR DuitNow Layak</b> ”	Pembayaran berjaya kepada peniaga atau pemindahan dana keluar yang berjaya kepada pihak ketiga melalui fungsi ‘DuitNow QR’ dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausa 11</b> ).
“ <b>Transaksi Pemindahan Dana Layak</b> ”	Pemindahan dana keluar yang berjaya daripada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan di <b>Klausa 11</b> ) kepada pihak ketiga melalui bahagian ‘DuitNow to Account (Instant Transfer)’ atau ‘DuitNow to Mobile/ID’ dalam (a) aplikasi mudah alih CIMB Clicks; <b><u>dan/atau</u></b> (b) portal perbankan dalam talian CIMB Clicks. Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi QR DuitNow Layak tidak akan dianggap sebagai pemindahan dana keluar

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

	untuk tujuan penentuan sama ada Peserta Layak telah melakukan Transaksi Pemindahan Dana Layak.
--	--

11. Bagi tujuan Kempen ini, rujukan kepada “**Akaun Penyertaan**” Peserta Layak hendaklah bermaksud akaun simpanan/-i CIMB, akaun semasa/-i CIMB, akaun kad kredit/-i CIMB dan/atau mana-mana akaun kad prabayar CIMB beliau yang didaftarkan dengan CIMB untuk tujuan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
12. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
13. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak untuk menjadi Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

### **Pemilihan Pemenang**

14. Pemilihan Pemenang:
  - (A) **Pemenang Hadiah Cabaran Bonanza:**
    - (i) Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza akan menerima pemberitahuan semerta (“*push notification*”) melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks beliau supaya beliau dapat menyempurnakan Cabaran Bonanza. Tertakluk kepada Peserta Layak telah memperolehi Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza yang diperlukan menurut **Klausus 8** di atas, tidak ada had pada bilangan percubaan oleh Peserta Layak untuk menyempurnakan Cabaran Bonanza dalam setiap kategori Cabaran Bonanza dalam setiap Kitaran Kempen.
    - (ii) Bagi mengelakkan keraguan, Cabaran Bonanza hendaklah disediakan kepada Peserta layak melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks sahaja. Oleh itu, Peserta Layak mesti memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih CIMB Clicks dari sama ada Google Play Store, Apple App Store atau Huawei App Gallery (sebagaimana yang berkenaan) pada peranti mereka untuk menyempurnakan Cabaran Bonanza.
    - (iii) Hadiah Cabaran Bonanza akan diberikan kepada Peserta Layak terpilih yang telah menyempurnakan Cabaran Bonanza (“**Pemenang Hadiah Cabaran**”).
    - (iv) Peserta Layak yang tidak menyempurnakan Cabaran Bonanza sebelum penamatian Kitaran Kempen yang berkaitan tidak boleh membawa ke hadapan Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza yang telah diperolehnya ke Kitaran Kempen seterusnya. Kesahan Penyertaan Kelayakan Cabaran Bonanza tersebut yang diperolehi oleh Peserta Layak akan luput pada penamatian setiap Kitaran Kempen.
    - (v) Peserta Layak akan layak untuk memenangi maksimum lima (5) Hadiah Cabaran Bonanza sahaja setiap Kitaran Kempen.
    - (vi) Bagi Peserta Layak yang merupakan pengguna baharu aplikasi mudah alih CIMB Clicks, ia akan mengambil tujuh (7) hari bekerja untuk Transaksi Layak beliau dicerminkan dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks beliau.
  - (B) **Pemenang Hadiah Utama:**
    - (i) Pada penamatian Tempoh Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, suatu senarai pemenang berpotensi akan disenarai pendek oleh sistem automatik CIMB daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan Kelayakan Hadiah Utama (“**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**”). Peluang Peserta Layak untuk disenarai

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

pendek akan meningkat menurut kadar jumlah Penyertaan Hadiah Utama yang diperolehinya sepanjang Tempoh Kempen.

- (ii) Satu (1) Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi melalui telefon di nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB dan beliau akan dikehendaki untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisyiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang Hadiah Utama**”). Jika percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, atas sebab-sebab seperti tidak dijawab, nombor telefon Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tidak ada dalam perkhidmatan, kekurangan sambungan atau atas apa jua sebab lain, dua (2) percubaan lagi akan dilakukan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut di nombor mudah alih yang sama. Jika percubaan ketiga tidak berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi seterusnya yang dihubungi oleh CIMB yang menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan diisyiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama.
- (iii) CIMB hendaklah mempunyai budi bicara tunggal untuk menetapkan tarikh ( Isnin-Jumaat ) dan masa ( 9 pagi-6 petang ) yang ditetapkan untuk membuat panggilan telefon kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas panggilan yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang: (a) tidak dilengkapkan atau diputuskan atas apa jua sebab sekalipun; dan/atau (b) tidak dijawab atau tidak diteruskan disebabkan ketidaaan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pada tarikh dan masa yang ditetapkan. CIMB merizabkan hak untuk merakam perbualan telefon ini.
- (iv) Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang akan dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim tersebut hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
- (v) Bagi mengelakkkan keraguan, semua caj telekomunikasi yang ditanggung berhubung dengan Kempen ini hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk sebarang caj perayauan terpakai yang ditanggung oleh Peserta Layak yang tidak berada di Malaysia) akibat daripada CIMB menghubungi mereka. CIMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan untuk caj tersebut.
- (vi) Ia hendaklah menjadi tanggungjawab tunggal Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih mereka yang disediakan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami oleh Peserta Layak jika kerugian tersebut disebabkan oleh nombor mudah alihnya dalam rekod CIMB yang tidak betul dan/atau bukan terkini.

### **Pemenuhan Hadiah**

- 15. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah Cabaran dan Pemenang Hadiah Utama (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Pemenang**”) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui e-mel atau melalui SMS ke nombor mudah alih Pemenang atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain, yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya. Pengumuman sedemikian akan dilakukan dan/atau dikemas kini pada penamatkan setiap Kitaran Kempen dan/atau Tempoh Kempen, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 16. Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini hendaklah dipenuhi seperti berikut: -
  - (A) **Hadiah Cabaran Bonanza (Wang Tunai RM1,000):**
    - (i) Berkenaan dengan Pemenang Hadiah Cabaran yang layak kepada hadiah wang tunai RM1,000 di bawah kategori Hadiah Cabaran Bonanza, RM1,000 akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka sebagaimana yang mungkin dipilih oleh CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatkan Tempoh Kempen.

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) Hadiah wang tunai RM1,000 tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Hadiah Cabaran untuk mengkreditkan hadiah wang tunainya ke akaun CIMBnya yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
- (iii) Mana-mana Pemenang Hadiah Cabaran yang Akaun Penyertaan dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman sebelum hadiah wang tunai RM1,000 telah diberikan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan layak menerima hadiah wang tunai RM1,000 di bawah Kempen ini.

**(B) Hadiah Cabaran Bonanza (PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet):**

- (i) Berkenaan dengan Pemenang Hadiah Cabaran yang layak menerima hadiah PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet, mereka akan menerima kod PIN Tambah Nilai elektronik yang dipaparkan pada skrin aplikasi mudah alih CIMB Clicks mereka dalam masa nyata. Sebagai alternatif, Pemenang Hadiah Cabaran tersebut boleh memilih untuk mendapatkan semula kod PIN Tambah Nilai dari bahagian “Challenge” dalam aplikasi mudah alih CIMB Clicks.
- (ii) PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet mesti ditebus oleh Pemenang Hadiah Cabaran dalam tempoh kesahan yang ditetapkan, jika gagal PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet boleh dilucutahkan oleh penyedia berkaitan secara automatik tanpa notis lanjut kepada Pemenang Hadiah Cabaran dan CIMB tidak akan mempunyai kewajipan untuk menggantikan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet tersebut dalam apa jua keadaan sekalipun.
- (iii) PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh penyedia berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh penyedia tersebut dan CIMB tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau apa jua pun yang timbul berkaitan dengan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet, walaupun jika CIMB telah dinasihatit tentang kemungkinan ganti rugi tersebut, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata melainkan perkara yang sama disebabkan oleh kecuaian melampau atau keingkanan sengaja CIMB.
- (iv) CIMB tidak akan melayan sebarang aduan dalam apa jua pun berkaitan dengan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet. Kemasukan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet hanyalah untuk membayar harga yang sama kepada penyedia berkaitan.

**(C) Hadiah Utama:**

- (i) Atas permintaan CIMB, Pemenang Hadiah Utama hendaklah menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mana-mana program publisiti lain yang mungkin diperlukan oleh CIMB atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri, jika gagal, atau apabila beliau gagal menuntut Hadiah Utama dalam tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan, CIMB dengan ini merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah Utama dan memilih Pemenang Hadiah Utama yang lain.
- (ii) Hadiah Utama adalah: -
  - (a) disediakan atas dasar “keadaan sepertimana sedia ada”;
  - (b) tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau kredit; dan
  - (c) tidak termasuk sebarang aksesori atau item yang mungkin telah ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi CIMB, kerana bahan tersebut adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- (iii) Model/warna sebenar Hadiah Utama mungkin berbeza.

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (iv) Pemenang Hadiah Utama mesti mempunyai keupayaan di sisi undang-undang untuk memiliki Hadiah Utama dan mesti tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang atau peraturan untuk memiliki Hadiah Utama.
- (v) Pemenang Hadiah Utama dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB Bank untuk mendedahkan butiran peribadinya (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamatnya) kepada pengedar/ejen yang berkenaan yang kemudiannya akan menghubungi Pemenang Hadiah Utama mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah Utama.
- (vi) Pemenang Hadiah Utama hendaklah bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang perlu dengan CIMB dan/atau pengedar/ejennya untuk mengutip atau menebus Hadiah Utama. CIMB tidak akan menanggung sebarang kos penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung atau perlu ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama semasa menebus atau menggunakan Hadiah Utama.
- (vii) Pemenang Hadiah Utama hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk pembayaran semua cukai, insurans dan/atau semua caj pelbagai lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama dan untuk membolehkan pemindahan Hadiah Utama kepada namanya. CIMB TIDAK akan bertanggungjawab untuk menanggung kos bagi cukai jalan, insurans kereta, kos pengangkutan kenderaan kepada Pemenang Hadiah Utama masing-masing dan/atau sebarang kos sampingan lain.
- (iv) Semua takaful, cukai jalan, belanja pasti, kos, fi, dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelenggaraan Hadiah Utama semasa dan masa hadapan hendaklah menjadi tanggungjawab pemenang Hadiah Utama bermula dari tarikh Pemenang Hadiah Utama menerima Hadiah Utama daripada CIMB;
17. CIMB merizabkan hak untuk melucutahkan mana-mana Hadiah yang diberikan di bawah Kempen ini sekiranya terdapat pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak.
18. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, bagi Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau dideritai oleh Pemenang akibat langsung atau tidak langsung daripada penggunaan hadiah mereka.
19. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk sebarang fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan hendaklah menjadi liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
20. Dengan menerima Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Pemenang bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkaitan dengannya: -
- (i) penyertaan dalam Kempen; atau
- (ii) penerimaan, penebusan atau penggunaan hadiah.
21. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

### **Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am**

22. CIMB merizabkan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pemenang alternatif dipilih.

23. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan juga telah memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan maklumat peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan dengan adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
24. Akaun Peserta Layak dengan CIMB (i) MESTI tidak memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun mereka dengan CIMB DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen dan/atau dijadikan tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan atau pemenuhan hadiah, jika tidak, Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
25. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu dengan proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah yang ditawarkan dengan item lain dengan kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalender kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain sesiapa jua untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan lanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam (“act of God”) di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau apa jua pun yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau kegagalan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak melainkan perkara yang sama akan timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaian melampau atau keingaran sengaja CIMB.
29. CIMB merizabkan hak setelah memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalender untuk mengubah (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) (“**Pindaan**”) mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak

## **KEMPEN “CABARAN BONANZA CIMB CLICKS” TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau laman web CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan mungkin disediakan dalam notis itu sendiri atau mungkin disediakan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan membuat iklan berkenaan Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap sebagai mengikat Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Clicks dan/atau laman web CIMB secara berkala untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

30. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
31. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa menurut **Klausus 29** di atas) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal akaun Peserta Layak dengan CIMB yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
32. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berkaitan dengan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah ditujukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang perkara yang berkaitan dengan akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank.
33. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai kepada Kempen atau mana-mana perkara di sini.
34. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dilakukan oleh Peserta Layak dan diambil maklum dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal pengendalian penggunaan CIMB Clicks oleh Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai.
35. Untuk maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat-alamat surat-menyurat dan e-mel dan nombor-nombor telefon dan facsimile berikut (atau mempunyai alamat-alamat surat-menyurat dan e-mel dan nombor-nombor telefon dan facsimile lain yang boleh diubah oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).